

Modul Pembelajaran Kendiri – Penyata Kewangan Milikan Tunggal

Soalan Percubaan SPM Prinsip Perakaunan 2012 - Negeri Kedah

2. Puan Arina ialah pemilik Arina Enterprise yang beroperasi di Bandar Puteri Jaya, Sg. Petani, Kedah. Berikut ialah Imbangan Duga perniagaan tersebut pada 30 Jun 2012:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2012

	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian dan Jualan	79 180	165 885
Pulangan-pulangan	354	569
Sewa		7 700
Modal 1 Julai 2011		77 227
Pinjaman berkadar faedah 4%		15 000
Simpanan tetap (tarikh matang 30 September 2012)	5 000	
Tunai	1 720	
Gaji	14 400	
Stok 1 Julai 2011	9 678	
Angkutan masuk	682	
Diskaun diterima		851
Bank	13 145	
Premis (kos)	94 660	
Kadar bayaran	1 392	
Ambilan	1 238	
Penghutang dan Pemiutang	15 200	12 873
Insurans	3 600	
Faedah atas pinjaman	400	
Alat tulis	289	
Faedah simpanan tetap		250
Hutang lapuk	874	
Peruntukan hutang ragu		835
Angkutan keluar	773	
Lengkapan (kos)	15 300	
Kenderaan (kos)	40 000	
Susut nilai terkumpulengkapan		2 295
Susut nilai terkumpul kenderaan		14 400
	<u>297 885</u>	<u>297 885</u>

Maklumat tambahan:

- i) Stok pada 30 Jun 2012 bernilai RM12 200 pada harga kos dan RM10 990 pada harga pasaran.
- ii) Insurans terdahulu RM600.

- iii) Sewa terakru RM700.
- iv) Pemilik mengambil alat tulis RM55 untuk kegunaan sendiri, tetapi belum direkod dalam mana-mana buku.
- v) Seorang penghutang telah diisytiharkan mufliis dan baki hutangnya sebanyak RM1 200 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- vi) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas penghutang bersih.
- vii) Kadar susut nilai :
Lengkapan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
Kenderaan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- viii) Pinjaman berkadar faedah 4% akan tamat tempoh matangnya pada 30 Jun 2014

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2012. (14 markah)
- b) Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2012. (tunjukkan Modal Kerja) (11 markah)

Panduan jawapan: format penyata kewangan secara ringkas

Penyata Pendapatan (Ringkas)

Jualan		Akaun Perdagangan
TOLAK:		
Kos Jualan		Akaun Untung Rugi
= Untung / Rugi Kasar		
TAMBAH:		Akaun Untung Rugi
Hasil (lain)		
TOLAK:		Akaun Untung Rugi
Belanja (lain)		
= Untung / Rugi Bersih		

Kunci Kira-kira (ringkas)

Aset Bukan Semasa			x
Aset Semasa	x		
TOLAK: Liabiliti Semasa	(x)		
Modal Kerja		x	
		xx	
Dibiayai oleh:			
Ekuiti Pemilik		x	
Liabiliti Bukan Semasa		x	
		xx	

Langkah menjawab:

1. Klasifikasikan setiap butiran di dalam Imbangan Duga kepada ABLEH dan Kontra serta PP atau KKK.

	A+B ↓ Debit	L+E+H ↓ Kredit
	RM	RM
Belian dan Jualan <i>pp</i>	79 180	165 885
Pulangan-pulangan <i>kos jualan - pp (kontra)</i>	354	569
Sewa <i>hasil - pp</i>		7 700
Modal 1 Julai 2011 <i>ekuiti - kkk</i>		77 227
Pinjaman berkadar faedah 4% <i>lbs - kkk</i>		15 000
Simpanan tetap (tarikh matang 30 September 2012) <i>as - kkk</i>	5 000	
Tunai <i>as - kkk</i>	1 720	
Gaji <i>belanja - pp</i>	14 400	
Stok 1 Julai 2011 <i>kos jualan - pp</i>	9 678	
Angkutan masuk <i>kos jualan - pp</i>	682	
Diskaun diterima <i>kos jualan - pp (kontra)</i>		851
Bank <i>as - kkk</i>	13 145	
Premis (kos) <i>abs - kkk</i>	94 660	
Kadar bayaran <i>belanja - pp</i>	1 392	
Ambilan <i>ekuiti - kkk (kontra)</i>	1 238	
Penghutang dan Pemiutang <i>as dan ls - kkk</i>	15 200	12 873
Insurans <i>belanja - pp</i>	3 600	
Faedah atas pinjaman <i>belanja - pp</i>	400	
Alat tulis <i>belanja - pp</i>	289	
Faedah simpanan tetap <i>hasil - pp</i>		250
Hutang lapuk <i>belanja - pp</i>	874	
Peruntukan hutang ragu <i>as - kkk (kontra penghutang)</i>		835
Angkutan keluar <i>belanja - pp</i>	773	
Lengkapan (kos) <i>abs - kkk</i>	15 300	
Kenderaan (kos) <i>abs - kkk</i>	40 000	
Susut nilai terkumpulengkapan <i>abs - kkk (kontra)</i>		2 295
Susut nilai terkumpul kenderaan <i>abs - kkk (kontra)</i>		14 400
	297 885	297 885


*Kontra bermaksud akaun itu akan **ditolak** daripada akaun induknya.

Nota:

as – aset semasa, abs – aset bukan semasa, pp- penyata pendapatan, kkk – kunci kira-kira

Berikan perhatian kepada item **Kontra PP**.

Untuk menentukan yang mana satu pulangan belian dan pulangan jualan serta diskaunnya, lukiskan persilangan seperti ditunjukkan di bawah:



2. Selesaikan pelarasan satu persatu.

- i) Stok pada 30 Jun 2012 bernilai RM12 200 pada harga kos dan RM10 990 pada harga pasaran.

Huraian: Mengikut konsep konservatisme, pilih nilai stok akhir yang terendah, **RM10990** (*kos jualan - pp dan as - kkk*).

- ii) Insurans terdahulu RM600 (*as - kkk*).

Insurans = RM3600 – RM600 = RM3000 (*belanja - pp*)

Huraian: Insurans terdahulu adalah belanja insurans untuk tempoh akan datang, jadi ia tidak boleh diiktiraf sebagai belanja tahun semasa (perlu ditolak daripada insurans). Ia juga direkod sebagai aset semasa kerana perniagaan telah berhak ke atas insurans yang telah dibayar itu.

- iii) Sewa (diterima) terakru RM700 (*as - kkk*).

Sewa (diterima) = RM7700 + RM700 = RM8400 (*hasil - pp*).

Huraian: Sewa (diterima) terakru adalah hasil sewa tahun semasa, jadi ia boleh diiktiraf sebagai hasil (perlu ditambah kepada sewa). Ia juga direkod sebagai aset semasa kerana perniagaan telah berhak ke atas penerimaannya.

- iv) Pemilik mengambil alat tulis RM55 untuk kegunaan sendiri, tetapi belum direkod dalam mana-mana buku.

Alat tulis = RM289 – RM55 = RM234 (*belanja - pp*)

Ambilan = RM1238 + RM55 = RM1293 (*kontra ekuiti - kkk*)

Huraian: Alat tulis akan berkurang dengan ambilan yang dibuat oleh pemilik. Ambilan akan ditambah kerana pemilik mengambil alat tulis itu untuk kegunaan sendiri.

- v) Seorang penghutang telah diisytiharkan muflis dan baki hutangnya sebanyak RM1 200 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

$$\text{Hutang lapuk} = \text{RM}874 + \text{RM}1200 = \text{RM}2074 \text{ (belanja - pp)}$$

$$\text{Penghutang} = \text{RM}15200 - \text{RM}1200 = \text{RM}14000 \text{ (as - kkk)}$$

Huraian: Hutang lapuk yang baru akan meningkatkan jumlah hutang lapuk. Nilai penghutang perlu ditolak dengan nilai hutang lapuk baru ini.

- vi) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas penghutang bersih.

$$\text{Peruntukan Hutang Ragu} = \text{RM}14000 \times 5\% = \text{RM}700 \text{ (kontra penghutang - kkk)}$$

$$\text{Pengurangan hutang ragu} = \text{RM}835 - \text{RM}700 = \text{RM}135 \text{ (hasil - pp)}$$

Huraian: Pengiraan PHR perlu berdasarkan nilai penghutang bersih baru iaitu RM14000. PHR baru iaitu RM700 menunjukkan penurunan daripada PHR lama (RM835), iaitu penurunan sebanyak RM135. Penurunan ini direkod sebagai hasil di dalam Penyata Pendapatan.

- vii) Kadar susut nilai :

Lengkapan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Kenderaan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

$$\text{Susut nilai lengkapan} = 10\% \times \text{RM}15300 = \text{RM}1530 \text{ (belanja - pp)}$$

$$\text{Susut nilai terkumpul lengkapan} = \text{RM}2295 + \text{RM}1530 = \text{RM}3825 \text{ (kontra abs - kkk)}$$

$$\text{Susut nilai kenderaan} = 20\% \times (\text{RM}40000 - \text{RM}14400) = \text{RM}5120 \text{ (belanja - pp)}$$

$$\text{Susut nilai terkumpul kenderaan} = \text{RM}14400 + \text{RM}5120 = \text{RM}19520 \text{ (kontra abs - kkk)}$$

- viii) Pinjaman berkadar faedah 4% akan tamat tempoh matangnya pada 30 Jun 2014.

$$\text{Faedah atas pinjaman} = 4\% \times \text{RM}15000 = \text{RM}600 \text{ (belanja - pp)}$$

$$\text{Faedah atas pinjaman terakru} = \text{RM}600 - \text{RM}400 = \text{RM}200 \text{ (ls - kkk)}$$

Huraian: Jumlah faedah atas pinjaman ialah RM600. Berdasarkan Imbangan Duga, hanya RM400 yang telah dibayar. Jadi perbezaan RM200 adalah faedah atas pinjaman terakru (direkod sebagai liabiliti semasa di dalam Kunci Kira-kira). Pinjaman berkadar faedah 4% pula akan direkod sebagai **liabiliti bukan semasa** di dalam Kunci Kira-kira kerana hanya akan selesai dibayar dalam 2 tahun.

Jawapan akhir:

2(a)

Arina Enterprise
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2012

	RM	RM	RM	RM
Jualan				165 885
- Pulangan jualan				354
Jualan bersih				165 531
<u>Tolak: Kos Jualan</u>				
Stok Awal			9 678	
Belian	79 180			
- Pulangan belian	(569)			(-)
- Diskaun diterima	(851)		(+)	
Belian bersih	77 760			
+ Angkutan masuk	682			
Kos belian		78 442		
Kos barang untuk dijual			88 120	
- Stok Akhir			10 990	
Kos Jualan				(77 130)
Untung Kasar				88 401
<u>+ Hasil Lain</u>				
Sewa (RM7700 + RM700)				8 400
Faedah atas simpanan				250
Pengurangan PHR (RM835 – RM700)				135
				97 186
<u>- Belanja Lain</u>				
Gaji		14 400		
Kadar bayaran		1 392		
Insurans (RM3600 – RM600)		3 000		
Faedah atas pinjaman (4% x RM15000)		600		(-)
Alat tulis (RM289 – RM55)		234		
Hutang Lapuk (RM874 + RM1200)		2 074		
Angkutan keluar		773		
Susut nilaiengkapan (10% x RM15300)		1 530		
Susut nilai kenderaan (20% x (RM40000 – RM14400))		5 120		
				(29 123)
Untung Bersih				68 063

* Angka yang bertanda dengan warna biru adalah angka baru yang diambil daripada pelarasan.

2(b)

Arina Enterprise
Kunci Kira-kira Pada 30 Jun 2012

	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Premis			94 660
Lengkapan		15 300	
- Susut nilai terkumpul (RM2295 + RM1530)		(3 825)	
		-----	11 475
Kenderaan		40 000	
- Susut nilai terkumpul (RM14400 + RM5120)		(19 520)	
		-----	20 480
			126 615
<u>Aset Semasa</u>			
Stok akhir		10 990	
Penghutang (RM15200 – RM1200)	14 000		
- Per. Hutang Ragu (RM14000 x 5%)	700		
	-----	13 300	
Bank		13 145	
Simpanan tetap		5 000	
Tunai		1 720	
Sewa diterima terakru		700	
Insurans terdahulu		600	
		-----	45 455
<u>TOLAK: Liabiliti Semasa</u>			
Pemiutang	12 873		
Faedah pinjaman terakru (RM600 – RM400)	200		
	-----	13 073	
MODAL KERJA			32 383
			158 997
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Modal awal			77 227
+ Untung bersih			68 063

			145 290
- Ambilan (RM1238 + RM55)			(1 293)
Modal akhir			143 997
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Pinjaman			15 000

			158 997

* Angka yang bertanda dengan warna biru adalah angka baru yang diambil daripada pelarasan.